LATIHAN 2A
(0% markah)

SOALAN 1 (50%)

(a) Secara ringkasnya, berikan definisi bagi Ekonomi Kebajikan.

(5%)

(b) Mengapakah bidang kajiak ekonomi kebajikan selalunya dikatakan mengambil pendekatan normatif?

(5%)

(c) Katakan anda mempunyai pendapatan sebanyak RM200 dan hanya ada dua barang dalam ekonomi, iaitu makanan dan pakaian. Harga makanan dan pakaian di pasaran adalah RM10 seunit.

(40%)

i. Lakarkan garis belanjawan dan keluk puasama yang memaksimumkan utiliti anda, dengan pakaian di paksi Y dan makanan di paksi X. (5%)

ii. Andaikan Kerajaan kini mengenakan cukai komoditi ke atas makanan sebanyak RM5 seunit. Lakaran garis belanjawan anda yang baru, AC, dan keluk puasama yang baru U_1. Tunjukkan dalam rajah tersebut variasi pampasan (CV) anda. (15%)

iii. Secara ringkasnya, berikan definisi bagi variasi setara (EV). (5%)

iv. Dengan menggunakan satu rajah yang sesuai, tunjukkan apakah perbezaan antara variasi pampasan (CV) dan variasi setara (EV). (15%)

SOALAN 2 (25%)

(a) Sila padankan (dengan satu garis lurus) perjelasan-perjelasan di kotak kiri dengan konsep yang PALING bersesuaian di kotak kanan. Perjelasan pertama telah dipadankan sebagai contoh kepada anda.

(12%)

Perjelasan:	Konsep:
1. Kajian tentang persoalan "what-if"	Teori kebajikan kedua
2. Sesuatu tindakan itu disifatkan baik bagi masyarakat jika sekiranya ia meningkatkan kebajikan masyarakat, tetapi disifatkan tidak baik jika ia mengurangkan kebajikan masyarakat.	Teori Kebajikan Pertama
3. Kewujudan kesan luaran dalam penggunaan	Prinsip Pareto
4. Pareto optimal juga boleh dicapai dalam keseimbangan kompetitif dengan pindahan kekayaan.	Ekonomi Positif
5. Sesuatu perubahan itu baik jika sekiranya ia menyebabkan kebajikan sebahagian individu meningkat tanpa mengurangkan kebajikan individu-individu yang lain.	Ekonomi Normatif
6. Kriteria ini tidak dapat menilai sesuatu perubahan yang menyebabkan kebajikan sebahagian individu meningkat manakala kebajikan individu-individu yang lain menurun.	Kriteria Kardinalis
7. Keseimbangan yang kompetitif adalah semestinya Pareto Optimal.	Welfarisme
	Kriteria Pareto
	Kegagalan pasaran

(b) Dengan menggunakan kotak Edgeworth, tunjukkan bagaiamana kecekapan dalam pertukaran adalah dicapai apabila $MRS_{XY}^{1} = MRS_{XY}^{2}$.

(13%)

SOALAN 3 (25%)

(a) TULISKAN (tanpa penerangan) syarat untuk mencapai pengoptimuman dalam kombinasi produk. (5%)

(b) Dengan lakaran rajah yang sesuai, terangkan bagaimana pengoptimuman kombinasi produk adalah dicapai dalam keseimbangan pasaran persaingan sempurna. (20%)

LATIHAN 2B
(0% markah)

SOALAN 1 (50%)

(d) Secara ringkasnya, terangkan matlamat utama dalam kajian ekonomi Kebajikan. (5%)

(e) Ekonomi kebajikan dikatakan mengambil pendekatan normatif daripada pendekatan positif. Berikan SATU contoh kenyataan yang berbentuk normatif dalam bidang kajian ekonomi kebajikan. (5%)

(f) Andaikan ANDA mempunyai pendapatan sebanyak RM100. Terdapat dua barang dalam ekonomi; durian dan cempedak. Kedua-duanya mempunyai harga yang sama di pasaran iaitu RM5/kg. (40%)

v. Lakarkan garis belanjawan AB dan keluk puasama U_0 yang memaksimumkan utiliti ANDA. Pastikan durian berada di paksi X dan cempedak di paksi Y. (5%)

vi. Andaikan Kerajaan kini mengenakan cukai komoditi ke atas durian sebanyak RM5/kg. Lakaran garis belanjawan ANDA yang baru dan keluk puasama yang baru (U_1). Tunjukkan dalam rajah tersebut CV (variansi pampasan) ANDA. (15%)

vii. Cukai komoditi adalah suatu cukai yang tak efisyen. Justeru, Kerajaan bercadang menggantikan cukai tersebut dengan cukai sekaligus (*lump-sum tax or head tax*) yang sememangnya sentiasa efisyen. (cukai sekaligus adalah cukai yang memberi tanggungan yang sama bagi semua individu) Lakarkan rajah anda yang menunjukkan jumlah cukai sekaligus yang mampu dikutip Kerajaan agar tingkat kebajikan ANDA masih tidak berubah, iaitu masih di U_1. (20%)

SOALAN 2 (25%)

(a) Bagi setiap perkara di bawah ini, bentukkan dua (2) kenyataan, iaitu satu kenyataan yang berbentuk positif dan satu lagi berbentuk normatif; (12%)

i. Pengagihan semula pendapatan (*redistribution of income*)(3%)
ii. Upah minima (*minimum wages*) (3%)
iii. Subsidi minyak petrol (3%)
iv. Cukai maksiat (*sin taxes*) (3%)

(c) Dengan menggunakan kotak Edgeworth, tunjukkan bagaiamana kecekapan dalam pengeluaran adalah dicapai apabila $MRTS_{KL}^{1} = MRTS_{KL}^{2}$. (13%)

SOALAN 3 (25%)

(c) Secara ringkasnya, terangkan apakah perbezaan antara *First* dan *Second Fundamental Theorems of Welfare Economics.* (12%)

(d) Sistem ekonomi perancangan pusat tidak mungkin mampu mencapai Kecekapan Pareto (Pareto-Optimality). Salah satu sebab utama kejatuhan Soviet Union adalah kerana masalah ekonomi negara tersebut yang meruncing pada ketika itu. Bincangkan. (13%)